

## IMPAK PEMBANGUNAN KE ATAS EKONOMI NEGERI TERENGGANU – SUATU NOTA

Pa Ismail

*Sekolah Pengurusan dan Perakaunan, UUM*

---

*Kertas ini bertujuan untuk membuat sedikit analisis tentang kesan pembangunan ekonomi ke atas rakyat negeri Terengganu dari segi pendapatan, kos hidup dan peluang pekerjaan. Adalah didapati bahawa pembangunan yang terlalu cepat boleh mengakibatkan kesan-kesan yang negatif, terutama sekali dari segi kualiti kehidupan. Kertas ini mencadangkan supaya rancangan pembangunan dapat disesuaikan dengan jenis penawaran buruh setempat dan juga pembangunan itu sendiri diusahakan secara berperingkat.*

---

Secara umumnya, negeri Terengganu menghadapi masalah pertumbuhan ekonomi yang lembab di sebabkan oleh kekurangan punca-punca hasil berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Masalah kemiskinan, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) yang rendah serta ketinggalan dalam projek-projek pembangunan adalah di antara ciri-ciri ekonomi negeri sebelum bermulanya dekad tujuh puluhan. Ciri-ciri ini mula berubah setelah, antara lain, terpancarnya minyak mentah dari dasar Laut Cina Selatan. Kekayaan semulajadi ini bukan sahaja telah mengakibatkan perkembangan ekonomi yang begitu pesat tetapi juga tercetusnya perombakan ekonomi dan sosial di negeri itu.

Telah banyak diperkatakan bahawa ekonomi negeri ini mengalami perubahan struktur selepas sahaja hasil minyak dipantainya ditemui. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa perubahan struktur ini bermula lebih awal dari itu. Kedua-dua pendapat ini mempunyai sokongan masing-masing. Yang membezakan kedua-duanya ialah yang satunya membawa impak positif kepada pembangunan dan yang satu lagi itu mempunyai unsur negatif.

Penutupan lombong besi di Bukit Besi, Dungun di akhir-akhir enampuluhan melibatkan sebahagian besar dari pendapatan negeri terjejas dan beribu-beribu pekerja kehilangan pekerjaan masing-masing. Punca kewangan negeri selepas ini hanya tertumpu kepada hasil-hasil perhutanan, pertanian dan juga perikanan. Oleh kerana hasil perlombongan besi merupakan satu daripada punca terbesar hasil negeri, adalah tidak menghairankan mengapa pembangunan ekonomi negeri terbantut selepas sahaja lombong itu ditutup. Tekanan yang sebegitu hebat

terhadap ekonomi negeri mengakibatkan pihak kerajaan negeri memikirkan semula beberapa strategi lain terhadap pembangunan.

Bidang pertanian dan perikanan telah mendapat perhatian dari pihak kerajaan untuk menampung sebahagian dari permintaan pekerjaan. Sebuah badan, iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah ditubuhkan untuk memajukan ekonomi negeri dengan lebih teratur. Di bawah perancangan badan ini bermulalah projek-projek perladangan secara besar-besaran, seperti ladang kelapa sawit dan getah di Sungai Tong, Besut. Sebahagian daripada bekas pekerja lombong besi telah dapat diserapkan. Di samping itu, beberapa projek lain di Kuala Berang, Jerangau dan Kemaman dapat menampung permintaan pekerjaan pada waktu itu. Namun, bidang perikanan yang merupakan industri, tertua di negeri ini, tidak mendapat sokongan yang dijangkakan.

Perubahan struktur ini, iaitu dari perlombongan kepada pertanian, mengakibatkan beralihnya fokus permintaan tenaga buruh. Keperluan terhadap buruh pertanian bertambah secara mendadak, padahal, kemahiran perlombongan hanya dapat digunakan dalam kerja-kerja teknikal sahaja. Akhirnya, pencari kerja pada ketika itu, yang majoritinya terdiri daripada bekas pekerja lombong tidak dapat ditawarkan pekerjaan, dan walaupun ada, mereka ini ditawarkan pekerjaan-pekerjaan di peringkat bawahan seperti buruh kasar, kuli dan sebagainya. Walaupun begitu, kesan buruknya tidak begitu terasa kerana sebahagian dari penganggur-penganggur ini memilih untuk kembali ke profesion asal masing-masing, iaitu sama ada pertanian atau perikanan.

Dekad lapanpuluhan menunjukkan ekonomi negeri sekali lagi mengalami perubahan dan perubahan ini bukan sahaja timbul daripada polisi kerjaan negeri, tetapi juga disebabkan oleh terdapatnya minyak di pantai negeri ini. Dengan itu, sekali lagi permintaan tenaga buruh berubah. Jika dalam dekat tujuhpuluhan negeri ini memerlukan tenaga buruh pertanian, sedangkan sebahagian besar daripada pencari kerja mempunyai kemahiran di bidang perlombongan, dekad lapanpuluhan mengubahkan keperluannya kepada tenaga dalam bidang perlombongan dan perindustrian (pembuatan), sedangkan pula kemahiran adalah dalam bidang pertanian dan perikanan. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan masalah kekurangan penawaran buruh pada jangka pendek, tetapi juga kecekapan dan daya pengeluaran buruh itu sendiri.

## POTENSI PEMBANGUNAN EKONOMI

Negeri Terengganu ialah negeri yang keenam terbesar di Malaysia dari segi luasnya, tetapi mempunyai kepadatan penduduk yang kedua terkecil, iaitu lebih kurang 82 orang setiap batu persegi, mengikut Banci Penduduk tahun 1970. Kajian yang dibuat oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU), 1981 melaporkan dalam laporannya yang bertajuk "A Study on Manpower Needs, Availability and

## Characteristics of The Labour Force For the Socio-Economic Development of Terengganu”;

- i) 58.1% daripada jumlah penduduk adalah dari golongan pertanian.
- ii) Penduduk adalah terdiri dari golongan muda, iaitu umur median populasi ialah 17.0 tahun pada tahun 1970 berbanding dengan 17.2 tahun di peringkat nasional.
- iii) Hanya 4.2% daripada populasi yang berumur 17 tahun ke atas mempunyai pelajaran peringkat menengah.

Gambaran yang diperolehi daripada ketiga-tiga fakta ini ialah ekonomi negeri ini memerlukan pembinaan asas yang kuat terlebih dahulu sebelum perindustrian dapat diimplementasikan dengan jayanya. Pembinaan asas ini boleh mengambil berbagai bentuk dan bentuk yang paling utama ialah menyelesaikan masalah yang ketiga di atas itu. Potensi pembangunan perindustrian jelas wujud seperti yang digambarkan oleh populasi yang muda dari segi penawaran buruhnya dan kewujudan kekayaan semulajadi seperti minyak, keluasan tanah, hasil-hasil hutan dan sebagainya dari segi sumber input, tetapi seandainya faktor pelajaran tidak diberi perhatian yang wajar, potensi ini mungkin tidak boleh dibuahkan.

Pertanian merupakan bidang yang paling berpotensi di negeri ini. Ini disebabkan oleh wujudnya penawaran buruh yang berkenaan seperti yang digambarkan oleh 58.1% daripada jumlah penduduknya adalah dari golongan pertanian. Di samping itu pula, kewujudan tanah-tanah paya, bukit-bukit rendah dan sebagainya menonjolkan potensi pertanian seperti perusahaan tanaman padi, getah, kelapa sawit, koko dan sebagainya. Tekanan terhadap bidang ini seharusnya diambil berat oleh pihak perancangan negeri bukan sahaja untuk meningkatkan lagi sumbangannya kepada KDNEK bahkan juga untuk menyerap tenaga buruh yang sedia ada.

Dalam banyak hal, perindustrian dan perusahaan boleh disifatkan sebagai pencepat atau “catalyst” kepada pertumbuhan ekonomi. Jadi adalah tidak menghairankan jika sektor ini diberi perhatian khusus oleh mana-mana perancang dalam usaha membangunkan ekonomi negeri masing-masing. Potensi bagi sektor ini tidak perlu diperkatakan lagi memandangkan kewujudan iklim yang sangat baik, contohnya populasi yang muda, bahan mentah yang banyak dan seterusnya. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap bidang ini sahaja akan memungkinkan berlakunya pembangunan yang tidak seimbang, yang akhir-akhirnya akan mengakibatkan kemerosotan.

Pembinaan dan perkhidmatan merupakan satu lagi sektor yang berpontensi kerana sektor ini ialah sebenarnya “sektor perkhidmatan” kepada kedua-dua sektor pertanian dan perindustrian. Perancangan untuk menubuhkan pusat-pusat pertumbuhan seharusnya diberi perhatian yang wajar.

Pendeknya, ketiga-tiga sektor tersebut dijangkakan dapat menawarkan sejumlah 251,400 pekerjaan pada tahun 1990 pada kadar kini berbanding dengan unjuran pencari kerja berjumlah 249,379. Secara teorinya, nilai-nilai ini menggambarkan negeri ini akan mencapai kadar pengangguran 0.0% sebelum berakhirnya dekad ini.

## PEMBANGUNAN DAN PENERIMAAN RAKYAT

Kesan pembangunan ekonomi ke atas struktur sosial, agihan pendapatan dan kualiti kehidupan sangat sukar diukur, terutama sekali untuk mengukurnya secara mikro. Mungkin salah satu cara yang dapat memberikan gambaran yang paling hampir dengan keadaan sebenar ialah dengan menyelidiki "penerimaan" rakyat terhadap pembangunan. Indikator ini akan memutuskan sama ada hasil pembangunan ekonomi dinikmati oleh rakyat. Walau bagaimanapun, pengukuran seperti ini adalah terlalu subjektif untuk diambilkira sepenuhnya kerana wujudnya pembolehubah-pembolehubah lain seperti sosio-politik yang disebaliknya pula menentukan indikator ini. Kelemahan ini semestinya diberi pertimbangan dalam bahagian ini. Walaupun demikian jadual berikut memberikan gambaran sejauh mana pencapaian pembangunan meresapi ke bawah;

**Jadual 1: Pendapat Tentang Keadaan Hidup Kini Mengikut Kumpulan Umur**

Kategori \ Kumpulan	15-24 (%)	25-34 (%)	35-44 (%)	45-54 (%)	55-64 (%)
Sangat memuaskan atau Memuaskan	25	26	25	29	27
Tiada Perubahan	21	25	25	26	28
Kurang memuaskan atau tidak memuaskan	54	49	50	45	45
Jumlah Sampel N	2471	1653	1476	888	761

Sumber: SERU, Jabatan Perdana Menteri, 1981.

**Jadual 2: Pendapat Tentang Keadaan Hidup Kini Mengikut Jantina**

Kategori \ Jantina	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Jumlah (%)
Sangat memuaskan atau Memuaskan	23	28	26
Tiada Perubahan	24	25	24
Kurang memuaskan atau tidak memuaskan	53	47	50
Jumlah Sampel N	3304	3955	7259

Sumber: SERU, Jabatan Perdana Menteri, 1981.

Pemerhatian kepada kedua-dua jadual di atas menimbulkan beberapa perkara. Pertama dan yang paling jelas ialah pembangunan ekonomi setakat ini tidak dinikmati oleh sebahagian besar rakyat jelata. Lebih dari 50%, mengikut jantina mahupun umur, mendapati bahawa kehidupan mereka sama ada tidak bertambah baik atau tidak memuaskan. Keadaan ini sedikit sebanyak menggambarkan bahawa walaupun KDNK bertambah pada peringkat makro, iaitu negeri, ianya tidak semestinya menolak pendapatan benar individu ke atas. Dengan perkataan negeri secara umum dan seterusnya menolak kos hidup ke atas (sebagai kos pembangunan) kepada masyarakat) padahal pendapatan nominal rakyat tetap atau berkekalan di tingkat lama. Walhal pendapatan negeri tidak semuanya dapat dirasai oleh segolongan besar rakyat, kos hidup yang meningkat terpaksa ditanggung oleh kesemuanya.

Keduanya, Jadual 1 memberikan gambaran secara relatif bahawa kumpulan umur 15 – 44 tahun mendapati “keadaan hidup kini” serba kekurangan atau tidak memuaskan (50%). Manifestasi ini menimbulkan beberapa soalan seperti, adakah peluang pekerjaan yang wujud itu sesuai, adakah pembayaran upah setimpal dengan sumbangan buruh dengan mengambilkira kenaikan kos hidup ataukah golongan ini memilih pekerjaan? Yang jelas ialah: pembangunan ekonomi negeri yang begitu pesat menyebabkan segolongan besar dari “penduduk bekerja” mendapat diri mereka tidak bertambah baik.

Dalam jadual 2, kita perhatikan bahawa golongan wanita lebih responsif terhadap pembangunan. Rata-ratanya peratusan yang mengatakan keadaan hidup mereka bertambah baik lebih tinggi dari golongan lelaki, walaupun pada keseluruhannya jumlah peratusan yang mendapati diri mereka tidak bertambah baik jauh lebih tinggi. Keadaan ini sememangnya boleh dijangkakan kerana apabila sesebuah ekonomi itu mula membangun, kerja-kerja yang sesuai dengan golongan wanita, sebagai jurutaip, setiausaha dan kerja-kerja yang memerlukan ketelitian rapi boleh didapati dengan banyak. “Perebutan” di antara jantina dalam bidang-bidang ini biasanya dimenangi oleh pihak wanita.

## MENGAPA PENERIMAAN RAKYAT TERHADAP PEMBANGUNAN BERUPA NEGATIF:?

Adalah mustahil bagi kertas ini membentangkan kesemua sebab-musabab terhadap perkara ini. Dari satu seginya kertas ini sangat terhad dan dari segi yang lain pula informasi yang ada tidaklah penuh. Walau bagaimanapun, perkara-perkara berikut dipercayai memainkan peranan dalam soal ini.

### (i) Jenis Pekerjaan

Terdapat lebih kurang 11% dari jumlah “penduduk bekerja” yang menyatakan peluang pekerjaan tidak ada. Peratusan ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan purata nasional. Keadaan ini merupakan satu “paradox”, iaitu keadaan yang sebenar tetapi tidak sepatutnya benar. Sebabnya ialah, seperti yang diperkatakan dalam bahagian 2.0 di atas ketiga-tiga sektor ekonomi dapat menawarkan sejumlah lebih dari 250,000 pekerjaan sebelum akhir dekad ini sementara unjuran pencari kerja ialah kurang dari 250,000 orang. Berlakunya keadaan kadar pengangguran setinggi 11% dalam “setting” ini adalah tidak logik. Walau bagaimanapun kita akan dapat memahami mengapa paradox ini berlaku jika kita mengingati kembali latarbelakang pencari kerja negeri ini, iaitu 58% mempunyai latarbelakang pertanian dan hanya 4.2% dari “penduduk bekerja” mempunyai pelajaran peringkat menengah. Pertembungan di antara pembangunan yang pesat, sama ada di bidang pertanian, perindustrian mahupun perkhidmatan dengan penawaran buruh yang sebegini, tentu sekali mengakibatkan masalah ini. Pendeknya, jenis pekerjaan yang ditawarkan adalah tidak selaras dengan jenis kebolehan yang ada dipihak buruh.

### (ii) Pendapatan Yang Rendah

SERU (1981), dalam penyelidikannya yang sama, mendapati hampir 40% dari sejumlah sampel 3640 orang pada peringkat negeri mengalami masalah pendapatan yang rendah secara mutlak. Masalah ini adalah berikutan daripada jenis pekerjaan di atas dan dengan itu terjadilah keadaan pengangguran tak ketara. Seperti yang diketahui umum, keadaan ini merupakan fenomena ekonomi yang mundur seperti yang dialami oleh negeri Terengganu sebelum berlakunya apa yang dikatakan “take-off” di awal abad ini.

Pembangunan ekonomi negeri tidak berlaku di semua tempat atau kawasan. Di kawasan-kawasan yang tertinggal inilah keadaan pendapatan rendah yang diakibatkan oleh pengangguran tak ketara dan sebagainya jelas berlaku. Walaupun begitu, tidak semua kawasan yang dimajukan dapat memperbaiki keadaan ini. Contohnya, daerah Kemaman mengalami pembangunan yang paling pesat sekali tetapi ekonomi di peringkat mikro tidak mempunyai banyak perbezaan dengan daerah-daerah lain.

Pendapatan yang rendah ini akhir-akhirnya meniadakan aspek-aspek positif pembangunan di kalangan rakyat. Oleh itu, yang sepatutnya perkara ini menjadi sebab untuk pembangunan, ianya telah bertukar menjadi sebab mengapa pembangunan ekonomi tidak membawa perubahan kepada kualiti kehidupan rakyat jelata.

### **(iii) Tiada Pekerjaan Tetap**

Satu lagi perkara yang berkait rapat dengan kedua-dua sebab di atas ialah masalah tiada pekerjaan tetap. Ini memang boleh dijangkakan akan berlaku di negeri Terengganu atau juga negeri-negeri lain yang sedang pesat membangun kerana tiadanya kemahiran di pihak penawar buruh. Senario kekurangan kemahiran di pihak buruh ini mengakibatkan mereka diterima hanya sebagai pekerja-pekerja sementara dalam pekerjaan-pekerjaan yang sepatutnya tetap.

Di peringkat buruh kasar, masalah "turnover" sangat jelas sekali ketara. Ini adalah kerana majoriti daripada pekerjaan-pekerjaan jenis ini tidak begitu mementing kemahiran dititik-masuk dan dengan itu mereka ini akan menerima upah yang rendah. Akibatnya ialah akan mengejar peluang-peluang di tempat lain yang dapat menawarkan upah yang lebih tinggi.

Ketiga-tiga perkara di atas dipercayai memainkan peranan penting dalam soal mengapa majoriti rakyat tidak menikmati peningkatan taraf hidup walaupun pembangunan ekonomi telah berlaku dengan begitu pesat. Cara dan prosedur perlu dikenalpasti untuk menyelesaikan perkara ini.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Dalam usaha membangunkan sesuatu ekonomi, terutamanya ekonomi negeri Terengganu itu sendiri, masalah-masalah seperti yang disarankan seharusnya diambil kira. Fenomena seperti ini adalah normal dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, untuk menolong pembahagian pembangunan yang setara di antara kawasan mahupun penduduk, adalah difikirkan sesuai supaya perkara-perkara berikut diberi perhatian.

### **(i) Latihan Kemahiran**

Masalah penggunaan tenaga tak penuh, di antara lain diakibatkan oleh kekurangan kemahiran di pihak pekerja. Mengikut Kajian Pelan Induk Negeri Terengganu, 32 daripada 33 jenis pekerjaan yang ditawarkan memerlukan kemahiran dalam pelbagai bidang. Jika dibandingkan dengan profil penawaran buruh, iaitu hanya 4.2% mempunyai pelajaran peringkat menengah, masalah kekurangan kemahiran, daya pengeluaran yang rendah dan sebagainya sememangnya boleh dijangkakan. Walau bagaimanapun,

latihan-latihan ini akan mendedahkan bakal pekerja kepada bidang-bidang yang sesuai dengan kehendak dan permintaan tenagakerja. Pihak-pihak yang berkenaan boleh mengenalpastikan beberapa jenis kemahiran tradisional yang sedia ada untuk disesuaikan kepada cara dan teknologi baru.

Ini mungkin termasuk:

- i) Pertukangan kayu
- ii) Pertukangan logam seperti besi, tembaga lain-lain.
- iii) Seni Pelan Rumah
- iv) Mekanik

atau sebagainya. Kemahiran tradisional ini seharusnya diberi perhatian supaya akhir-akhirnya bukan sahaja dapat dihidupkan semula bahkan juga dapat digunakan untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang ada.

**(ii) Peningkatan Keupayaan Industri-Industri Tradisional**

Negeri Terengganu mempunyai banyak industri-industri kecil yang telah dipraktikkan sejak turun-temurun seperti songket dan batik. Proses perombakan ekonomi akan mengakibatkan kemahiran dalam bidang ini merosot dan jika ianya tidak diberi perhatian mungkin kemahiran itu terhapus terus. Peningkatan keupayaan industri-industri ke peringkat komersial akan dapat menyerapkan sebahagian daripada tenaga kerja yang ada. Di samping itu, adalah dijangkakan ianya tidak menyebabkan berlakunya "displacement shock" di kalangan pekerja. Pembangunan industri-industri moden seperti elektronik, tayar dan sebagainya akan mendedahkan pekerja kepada perkara yang baru dan dengan demikian memerlukan masa untuk seseorang pekerja mempelajarinya dan mencapai taraf kemahiran yang diperlukan.

**(iii) Pembangunan Ekonomi Yang Berperingkat**

Satu lagi perkara yang mungkin dapat menolong memperbaiki agihan pendapatan dan pembangunan ialah dengan cara pembangunan berperingkat. Perlaksanaan projek hendaklah dijalankan dengan kadar yang "discriminatory", iaitu kecepatannya ditimbang dengan jenis tenaga buruh dan sumber yang ada. Dengan perkataan-perkataan lain, projek-projek yang tidak memerlukan tenaga mahir pada peringkat awal di beri keutamaan. Ini ialah dengan harapan supaya kemahiran itu akan dipelajari dalam proses projek itu berjalan. Industri-Industri pembinaan dan pertanian tidak memerlukan kemahiran yang tinggi di permulaanya dan sepatutnyalah kedua-dua sektor ini dititikberatkan.



Secara keseluruhannya, ekonomi negeri Terengganu telah mengalami pembangunan yang pesat. Di samping membawa banyak kebaikan terhadap rakyat negeri dan negara, masalah-masalah seperti ketaksetaraan, kos hidup yang melambung dan ketidakpenawaran dengan permintaan buruh dapat juga dirasakan.

Masalah-masalah seperti ini tidaklah menjadi sifat pembangunan bagi negeri ini sahaja. Malah, ianya merupakan masalah yang universal, yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana ekonomi sedang membangun.

### **RUJUKAN**

Pa Ismail, "Kesesuaian Tenaga Pekerja Industri Pertanian Untuk Keperluan Sektor Pembuatan", Laporan Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981.

SERU, "A Study on Manpower Needs, Availability and Characteristics of The Labour Force the Socio-Economic Development of Terengganu", Jabatan Perdana Menteri, 1981.